

LATIHAN TATABAHASA PT3

Set 13

BAHAGIAN A

[25 markah]

1. Dalam setiap ayat di bawah ini terdapat **satu** kesalahan tatabahasa. **Gariskan** kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) Alia berasa gentar ketika menjawab soalan-soalan yang diajukan oleh inspektor polis itu.

(ii) Kerajaan bercadang membina lebih banyak rumah-rumah pasang siap untuk magsa banjir di Kelantan.

(iii) Tiga orang perompak yang amat dimahukan telah ditembak mati di Tol Plaza Sungai Besi pagi tadi.

(iv) Nasi goreng kampung itu ayah makan dengan begitu berselera.

[8 markah]

2. Dalam petikan di bawah ini terdapat **tiga** kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis ejaan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

Pada zaman pramatif, manusia hidup bersatu dengan alam semulajadi dalam semua aspek. Mereka amat menghormati pegangan nenek moyang mereka.

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

[3 markah]

4. Isi tempat kosong dengan simpulan bahasa yang sesuai.

- (i) Penonton-penonton perlawanan bola sepak di stadium itu menjerit tidak puas hati kerana menuduh pengadil bersikap _____.
- (ii) “Terimalah _____ ini sebagai kenang-kenangan apabila engkau berada jauh daripadaku,” jelas pemuda itu.
- (iii) Dia digelar _____ kerana tidak boleh menghentikan tabiat buruk suka minum arak.
- (iv) Hatinya terlalu suci dan baik hati seperti _____.

[4 markah]